



DAKWAAN PAS BAYAR
EDITOR SARAWAK REPORT

ANWAR ADA



THP catat rugi bersih RM658.38 juta

TH Plantations Bhd (THP) mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM658.38 juta bagi tahun kewangan 2018, berbanding keuntungan bersih sebanyak RM31.23 juta bagi tempoh sama tahun lalu.

Keuntungan unit perladangan Lembaga Tabung Haji (TH) itu bagi tempoh sama berjumlah RM519.32 juta, jatuh sebanyak 25 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Bagi suku keempat tahun kewangan 2018, kumpulan merekodkan kerugian bersih sebanyak RM643.98 juta, berbanding RM30.91 juta dalam tempoh sama tahun sebelumnya.

Pendapatannya bagi suku keempat 2018 pula merosot 33 peratus kepada RM118.62 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) THP, Muzmi Mohamed, berkata di peringkat operasi, pihaknya mendapati hasil lebih lemah daripada harga jualan yang jauh lebih rendah selain keluaran dan jualan lebih rendah bagi minyak sawit mentah (MSM) dan isirung sawit (PK).

"Meskipun mencatatkan pertumbuhan tiga peratus dalam pengeluaran tandan sawit segar (FFB) dan penurunan empat peratus dalam kos operasi, impak harga lebih rendah dan jumlah bagi MSM dan PK yang lebih rendah adalah lebih signifikan.

"Tidak termasuk dengan nilai rosot nilai dan caj sekali sahaja, kumpulan merekodkan kerugian teras RM89.4 juta," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Bagi tahun kewangan 2018, kumpulan menghasilkan sejumblah 910,316 tan pengeluaran FFB, sementara pengeluaran MSM dan jualan masing-masing merosot empat dan lima peratus berbanding tahun sebelumnya.

Purata harga jualan MSM bagi tempoh sama adalah RM2,121 satu tan, penurunan 21 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.